



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


11 JUN 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **309 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **65,330 kes**. Enam (6) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Tawau, satu (1) kes Semporna, satu (1) kes Sandakan, satu (1) kes Kuala Penyu dan satu (1) kes lagi di Beaufort. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 235 menjadikan jumlah kumulatif 62,307 orang. Seramai 1,978 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 537 orang di hospital dan 1,441 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 96 orang dan 37 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau dan Kuala Penyu bertukar dari zon merah ke zon jingga manakala Ranau berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 16 daerah
- Zon Jingga lima (5) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 76 kes iaitu daripada 233 kes kelmarin (10 Jun 2021) kepada 309 kes (11 Jun 2021).
- ii Daripada 309 kes jangkitan baharu hari ini, 143 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 91 kes adalah daripada saringan kluster, 30 kes adalah daripada saringan bergejala, 26 kes daripada saringan bersasar dan 19 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 12 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lima (5) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala tujuh (7) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Lahad Datu 32 kes (+27), Kinabatangan 26 kes (+25), Tuaran 21 kes (+17), Kota Belud 17 kes (+16), Tawau 56 kes (+14), Kudat 27 kes (+11). Tiga daerah lain yang mencatatkan kes baharu pada hari ini iaitu Penampang (14 kes), Beaufort enam (6) kes dan Sipitang dua (2) kes kekal sebagaimana jumlah kes kelmarin.
- iv Walau bagaimanapun, sembilan (9) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala dua (2) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu (-26) dan Sandakan (-23).
- v Pada hari ini, enam (6) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Tongod, Kota Marudu, Kuala Penyu, Tenom dan Keningau.
- vi Trend perubahan angka bagi setiap daerah di Negeri Sabah adalah tidak statik. Peningkatan daerah yang mencatat sifar (0) angka pada hari ini tidak menunjukkan keadaan yang lebih meyakinkan kerana, dengan hanya satu (1) daerah yang berstatus Zon Hijau dan perubahan angka turun naik yang berlaku setiap hari di daerah-daerah bukan Zon Hijau, kesimpulan terbaik yang boleh dibuat ialah masih berlaku kebarangkalian aktiviti ketidakpatuhan yang sangat tinggi kepada SOP yang telah digariskan.

vii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Kopi Blues - Tawau** melibatkan jangkitan dalam komuniti di Mukim Sri Tanjung daerah Tawau. Kes indeks merupakan suri rumah, 46, dari Kg Lorong Saddani, Batu 2 yang disahkan positif melalui saringan bergejala pada 09 Jun 2021 bersama anaknya. Daripada 20 sampel yang telah diambil menerusi saringan kontak rapat dan kontak sosial, 10 sampel dikesan positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 12 kes. Sementara itu, dua (2) sampel didapati negatif manakala enam (6) sampel masih menunggu keputusan. Siasatan awal mendapati semua kontak telah menghadiri perjumpaan di Kg Kopi Blues Batu 2, iaitu rumah keluarga mereka sempena majlis pengebumian dan tahlil pada 29 Mei 2021. Aktiviti pengesanan kontak rapat dan mengenal pasti punca jangkitan sedang giat dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,163 unit

- Hospital 692 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,051 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 47.51%

B PKPD 2 PERKAMPUNGAN DALAM DAERAH KOTA KINABALU

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan dua (2) perkampungan dalam daerah Kota Kinabalu iaitu:

- Kampung Lobou 1
- Kampung Bukit Permai

- 2 KKM mendapati berlaku peningkatan kes yang ketara apabila sebanyak 15 kes telah dikesan hasil daripada 20 ujian saringan dijalankan di kedua-dua perkampungan ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 13 Jun sehingga 26 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

C PKPD KAMPUNG KADAZAN, TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Kadazan, Tawau, Sabah.
- 2 Sehingga kini, berlaku peningkatan kes dalam tempoh seminggu apabila sebanyak 14 kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 45 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 31.11%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kadazan, Tawau berkuat kuasa 13 Jun sehingga 26 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

D PKPD TAMAN VILLA FELCA NAMBAZAN, PENAMPANG

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Villa Felca Nambazan, Penampang.

- 2 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut apabila sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan dalam tempoh satu minggu.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Villa Felca Nambazan, Penampang berkuat kuasa 13 Jun sehingga 26 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas penduduk yang terlibat dan untuk mengekang penularan COVID-19 ke komuniti luar.

E PENAMATAN PKPD 3 LOKALITI DI TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti di Tawau yang dijadualkan tamat pada 12 Jun 2021. Lokaliti terbabit ialah:
 - Kampung Pasir Putih Blok B
 - Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Sri Balung
 - Kampung Baru Pasir Putih
- 2 Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 3,109 ujian saringan dan 120 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di tiga lokaliti dinyatakan pada 12 Jun 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **334** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **60,134** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **11** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,186** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **9,596** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **150,44** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **3,971** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **44,251** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 19,080 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 606,007 (mysejahtera 533,475 : laman web 72,287 : talian vaksinasi 245) bersamaan 20.7%.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **351,141** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 150 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 69,910 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 785 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dengan 17 tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 84 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 25 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
- 25 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
- Lima (5) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
- Tujuh (7) orang : Tiada penjarakan sosial.
- Enam (6) orang : Membawa penumpang berlebihan.
- 16 orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah.

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 118 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

Sebanyak Sembilan (9) kompaun telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:

- i Empat (4) Kompaun : Gagal mendaftar masuk premis menggunakan mysejahtera/buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Kunak
- ii Satu (1) Kompaun : Gagal melaksanakan penjarakan fizikal (kehadiran pekerja 100%). Kompaun dikeluarkan di daerah Tawau.
- iii Empat (4) Kompaun : Pendaftaran dalam buku daftar tidak lengkap. Kompaun dikeluarkan di daerah Kuala Penyu.
- iv DBKK telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 128 premis perniagaan dan 83 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan kepada individu dan premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 246 lokasi melibatkan seramai 173 anggota APM.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 74 anggota di 98 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 17 premis, melibatkan lapan (8) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 86 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 116 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **93.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	94%
2	Keningau	94%
3	Kota Marudu	94%
4	Lahad Datu	94%
5	Sipitang	94%
6	Beluran	94%
7	Kunak	94%
8	Kinabatangan	94%
9	Tenom	94%
10	Kudat	93.5%
11	Sandakan	93.5%
12	Kota Belud	93.5%
13	Papar	93.5%
14	Semporna	93.5%
15	Kota Kinabalu	93.5%
16	Tuaran	93.5%
17	Beaufort	93%
18	Penampang	93%
19	Tawau	93%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**